

BACHOK, 12 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK SELURUH RAKYAT SUPAYA BERSYUKUR TERHADAP KEAMANAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN YANG NIKMATI OLEH NEGARA SETAKAT INI.

BELIAU BERKATA, MEREKA HARUS BERTERIMA KASIH DENGAN KEADAAN KESELAMATAN YANG WUJUD YANG MEMBOLEHKAN SETIAP ORANG BEKERJA DAN BERGERAK TANPA TAKUT SERTA RAGU-RAGU.

DI MALAYSIA RAKYATNYA BERNASIB BAIK KERANA TERDAPAT KESTABILAN DAN KEMANAAN, JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG PENUH DENGAN HURU-HARA DAN RUSUHAN KAUM, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN NEGERI KELANTAN 1990, DI PADANG SEKOLAH MENENGAH PAK BADOL, DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN RAKYAT DI NEGARA INI TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM, NAMUN MEREKA HIDUP SECARA BERBAIK-BAIK DAN AMAN DAMAI.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENGINGATKAN RAKAT BAHAWA KEMAMAAN YANG SEDIA ADA INI, TIDAK DATANG BEGITU SAHAJA TANPA USAHA DAN WUJUDNYA KERAJAAN YANG KUKUH DAN BERTANGUNGJAWAB. -- LAGI.
1538MST 12 07 90

D975

U 8865 BAH
MAHATHIR - SYUKUR 2. BACHOK

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, SEPANJANG MASA USAHA UNTUK MENGEKALKAN KEAMANAN INI AKAN DITERUSKAN DEMI FAEDAH DAN KESEMPURNAAN HIDUP RAKYAT.

BELIAU BERKATA, DALAM USAHA MENGAWAL KEAMANAN DAN KESEMALATAN, KERAJAAN MEWUJUDKAN PASUKAN TENTERA DAN POLIS.

KATANYA, DALAM HUBUNGAN INI SEMUA PIHAK PERLU MENGHORMATI POLIS DAN TENTERA DAN MELAKUKAN SESUATU DI DALAM LUNAS UNDANG-UNDANG JIKA TIDAK, MEREKA AKAN DIDAKWA.

BAGAIMANAPUN, DI TERENGGANU BARU-BARU INI SEKUMPULAN ORANG TELAH MENYERANG DAN MENANGKAP POLIS APABILA POLIS BERTINDAK TERHADAP ANGGOTA-ANGGOTA KUMPULANNYA.

MUNGKIN KUMPULAN ITU MERASAKAN MEREKA CUKUP KUAT UNTUK MELAWAN POLIS DAN BERFIKIR AKAN MENDAKWANYA DENGAN MENYATAKAN KONONNYA POLIS BERTINDAK KERAS, TAMBANNYA. -- LAGI.
1559MST 12 07 90

D977

U 8867 BAH
MAHATHIR - SYUKUR 3 BACHOK

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA RAKYAT TIDAK MENGHORMATI UNDANG-UNDANG DAN POLIS ADALAH SUKAR UNTUK MENGAWAL KEAMANAN DAN RAKYAT AKAN BERADA DALAM KEADAAN TAKUT TERHADAP SESIAPA SAHAJA YANG MENJADI +SAMSENG.+

PERDANA MENTERI JUGA MENGAJAK RAKYAT BERSYUKUR DAN BERTERIMA KASIH KEPADA PELBAGAI USAHA KERAJAAN MEMAJUKAN BIDANG PERTANIAN DENGAN PENYEDIAAN PELBAGAI PERALATAN DAN BANTUAN.

KATANYA, KERAJAAN DARI SEMASA KE SEMASA AKAN TERUS BERUSAHA MEMBANTU RAKYAT TERUTAMA GOLONGAN PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN.

BELIAU BERKATA, SEBAGAI CONTOH UNTUK MEMAJUKAN USAHA NELAYAN LAUT DALAM, PADA TAHUN DEPAN SEBUAH BOT SEBERAT 800 TAN AKAN DISIAPKAN UNTUK MELATIH NELAYAN-NELAYAN DALAM BIDANG BERKENAAN.

KATANYA, KERAJAAN JUGA BERUSAHA SUPAYA PARA PENTERNAK MEMELIHARA LEBIH BANYAK BIRI-BIRI JENIS YANG BAIK DENGAN HARAPAN IA DAPAT DIEKSPORT KE ARAB SAUDI UNTUK DIJADIKAN TERNAKAN KORBAN SETIAP TAHUN. -- LAGI.
1603MST 12 07 90

0978

U B868 BAH
MAHATHIR - SYUKUR 4 BACHOK

PERDANA MENTERI BERKATA, BAGAIMANAPUN, SEGALA BANTUAN DAN KESUBURAN TANAH YANG SEDIA ADA TIDAK MEMBAWA SEBARANG FAEDAH TANPA USAHA DARIPADA PARA PETANI SENDIRI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BERSYUKUR TIDAK BERMAKNA HANYA MENADAH TANGAN SEMATA-MATA, TETAPI PERLU BERBAKTI DAN BERUSAHA DEMI FAEDAH DIRI SENDIRI DAN MASYARAKAT.

LEBIH 10,000 RAKYAT PELBAGAI KAUM BERKUMPUL DI PADANG SEKOLAH BERKENAAN UNTUK MENDENGAR UCAPAN DAN AMANAT PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PELADANG, PETANI DAN NELAYAN JAYA PERINGKAT NEGERI.

BELIAU YANG DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR KELANTAN, TAN SRI MOHAMED YAACOB, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID KEMUDIAN MELAWAT MODEL KOTAK AWAL MEMBASMI KEMISKINAN, GERAI-GERAI DAN PAMIRAN DI SEKITAR PADANG SEKOLAH BERKENAAN. -- BERNAMA.
1605MST 12 07 90